



**TATACARA
PENGESAHAN
BAHASA
KEBANGSAAN
DALAM IKLAN**



**TATACARA PENGESAHAN
BAHASA KEBANGSAAN
DALAM IKLAN**

KANDUNGAN

Objektif

Skop

Dokumen Rujukan

Definisi

Kuasa dan Tanggungjawab

Iklan

Proses Pengesahan Bahasa Kebangsaan dalam Iklan

Penutup

Lampiran

1.0 OBJEKTIF

Tatacara ini bertujuan untuk memastikan pengurusan khidmat pengesahan bahasa kebangsaan dalam iklan dilaksanakan mengikut keperluan pelanggan dan piawai yang ditetapkan.

2.0 SKOP

Tatacara ini diterima pakai oleh Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Swasta, Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka Ibu Pejabat dalam pelaksanaan khidmat pengesahan bahasa kebangsaan dalam iklan yang bermula daripada penerimaan iklan hingga proses pengembalian iklan kepada pelanggan.

3.0 DOKUMEN RUJUKAN

- 3.1 Perlembagaan Persekutuan;
- 3.2 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67;
- 3.3 Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1971;
- 3.4 Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1990;
- 3.5 Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959;
- 3.6 Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1978;
- 3.7 Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Peluasan) 1995;
- 3.8 Undang-undang Kecil Iklan;
- 3.9 Prosedur Kualiti Pengurusan Kegiatan Khidmat Nasihat Bahasa (DBP/PK/Peng/01);
- 3.10 Arahan Kerja Pelaksanaan Kegiatan Khidmat Nasihat Bahasa (DBP/AK/PENG/01/01);
- 3.11 Manual Kualiti (DBP/MK/01);
- 3.12 PKPA Bil. 2/96: Garis Panduan Menjawab Telefon yang Berkualiti;
- 3.13 Manual Sistem Khidmat Nasihat Bahasa;
- 3.14 *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*, 1993;
- 3.15 *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1994;
- 3.16 *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*, 1993;
- 3.17 *Kamus Inggeris-Melayu Dewan Edisi Ringkas*, 1995;
- 3.18 *Gaya Dewan Edisi Ketiga*, 1995;
- 3.19 *Nama Khas dan Iklan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997;
- 3.20 Istilah, Glosari, Daftar Kata dan bahan-bahan rujukan kebahasaan yang lain.

4.0 DEFINISI

4.1 Bahasa Kebangsaan

Merujuk Perkara 152, *Perlembagaan Persekutuan*, bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen.

4.2 Sumber Rujukan

Tatabahasa Dewan, Gaya Dewan, Glosari, Istilah, Kamus, Tesaurus, Pakar Rujuk dan Lain-lain.

4.3 Borang Khidmat Nasihat Bahasa (KNB)

Borang standard yang terkandung dalam Arahan Kerja Pelaksanaan Kegiatan Khidmat Nasihat Bahasa MS ISO 9001:2000 mesti dilengkapi oleh pelanggan yang mendapatkan khidmat pengesahan bahasa kebangsaan dalam iklan. Sila lihat Lampiran 1.

4.4 Cap Pengesahan

Cap getah yang mengandungi logo DBP, nama dan tandatangan Pegawai Perancang Bahasa (PPB) dan kenyataan pengesahan bahasa kebangsaan dalam iklan.

4.5 Cap Pembetulan

Cap getah yang mengandungi logo DBP, nama dan tandatangan Pegawai Perancang Bahasa (PPB) dan kenyataan arahan membetulkan kesalahan bahasa kebangsaan dalam iklan.

4.6 Dokumen Lengkap

Borang KNB dilengkapi oleh pelanggan dan ilan jelas.

4.7 Dokumen Tidak Lengkap

Borang KNB tidak dilengkapi oleh pelanggan dan iklan kabur atau tidak jelas.

4.8 Iklan

Visual iklan yang mengandungi teks dan gambar yang dipamerkan pada papan iklan untuk memberitahu orang ramai tentang nama barangan (jenama) dan keluaran.

4.9 Draf Iklan

Tulisan atau lukisan iklan yang dibuat secara kasar.

4.10 Iklan Tidak Bermasalah

Iklan yang menggunakan bahasa kebangsaan yang indah, betul dan sesuai dengan gambar yang dipaparkan dalam iklan.

4.11 Iklan Bermasalah

Iklan yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan, salah penggunaan bahasanya dan penggunaan bahasa yang tidak sesuai dengan gambar yang dipaparkan dalam iklan.

4.12 Kelewatan

Proses pengesahan yang bermula daripada penerimaan iklan hingga pengembalian iklan yang mengambil masa melebihi 24 jam, (satu hari bekerja) berdasarkan piagam pelanggan DBP.

4.13 Pangkalan Data

Sistem perekodan iklan.

4.14 Papan Iklan

Tempat pemaparan iklan yang bersaiz lebih daripada lisma meter persegi.

4.15 Pelanggan

Syarikat atau agensi pengiklanan yang mendapatkan khidmat pengesahan bahasa kebangsaan dalam iklan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.

4.16 Pengagihan

Ketua Bahagian mengagihkan iklan tersebut kepada PPB yang dinamakan.

4.17 Penyemakan

PPB menyemak penggunaan bahasa kebangsaan dalam iklan tersebut. Sekiranya iklan yang dikemukakan bermasalah, PPB mesti menghubungi pelanggan untuk berbincang.

4.18 Pembetulan

PPB menyemak penggunaan bahasa kebangsaan dalam iklan tersebut. Sekiranya iklan yang dikemukakan bermasalah, PPB mesti menghubungi pelanggan untuk berbincang.

4.19 Pengesahan

Perakuan tentang penggunaan bahasa kebangsaan pada iklan dalam bentuk cap pengesahan yang ditandatangani oleh PPB.

4.20 Petugas

Staf yang terlibat dalam proses pengesahan bahasa kebangsaan dalam iklan, iaitu Ketua Bahagian (KB (S54), Pegawai Perancang Bahasa (PPB) (S41) dan Pembantu Tadbir (PT (Perkeranian/Operasi) (N17).

4.21 Rekod

Iklan yang telah disahkan akan direkodkan dalam pangkalan data dan difailkan. Walau bagaimanapun, untuk iklan yang telah disemak tetapi belum disahkan kerana terdapat kesalahan bahasa akan diberi status dalam prosesi dalam Sistem Pangkalan Data.

4.22 Sistem Bahasa Melayu Bersepadu (SBMB)

Sistem yang dibina untuk membantu pengguna bahasa menyelesaikan masalah bahasa dalam talian.

4.23 Tempoh Pengesahan

Tempoh yang ditetapkan untuk mengesahkan iklan ialah satu (1) hari bekerja. Proses ini bermula daripada penerimaan iklan sehingga pengembalian iklan yang telah disahkan kepada pelanggan. Dalam situasi tertentu, dokumen yang bermasalah mengambil masa lebih dari satu (1) hari untuk disemak dan disahkan.

5.0 KUASA DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 Ketua Bahagian atau Penanggungjawab (KB)

Petugas yang bertanggungjawab mengagihkan iklan dan memastikan proses pengesahan bahasa kebangsaan dalam iklan berjalan lancar memenuhi keperluan pelanggan.

5.2 Pegawai Perancang Bahasa (PPB)

Petugas yang bertanggungjawab menyemak dan mengambil tindakan terhadap pengesahan bahasa kebangsaan dalam iklan. Beliau juga bertanggungjawab memberikan maklum balas kepada pelanggan tentang iklan tersebut.

5.3 Pembantu Tadbir (PT)

Petugas yang bertanggungjawab merekodkan maklumat iklan, mengembalikan iklan kepada pelanggan dan merekodkannya dalam pangkalan data dan fail.

6.0 IKLAN

6.1 Ciri-ciri Iklan

- 6.11 Mematuhi garis panduan seperti yang terkandung dalam Undang-undang Kecil Iklan.
- 6.12 Iklan tersebut mestilah mematuhi akta dan undang-undang yang berkaitan seperti Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 yang terkandung dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 seperti yang berikut:
 - (1) Sesuatu iklan hendaklah dalam bahasa Malaysia sama ada dengan sendirinya atau bersama-sama bahasa lain (PU (A) 364/85).
 - (2) Perkataan-perkataan dan huruf-huruf dalam bahasa Malaysia hendaklah diberi keutamaan dalam warnanya dan di sesuatu kedudukan yang lebih jelas daripada perkataan-perkataan atau huruf-huruf atau tulisan-tulisan dalam bahasa lain yang digunakan dan saiznya hendaklah tidak melebihi ukuran yang terdapat dalam bahasa Malaysia (PU (A) 364/85).
 - (3) Seseorang tidak boleh mempamerkan atau menyebabkan atau membenarkan dipamerkan mana-mana iklan yang tidak mematuhi paragraf (1) dan (2) (PU (A) 187/82).

- (4) Walau apa pun peruntukan paragraf (3), jika nama sesuatu firma, persatuan atau syarikat sebagaimana yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta syarikat 1965 atau Akta Pertubuhan 1966, terdiri dari atau termasuk perkataan yang bukan dalam bahasa Malaysia, maka tidaklah perlu diterjemahkan perkataan-perkataan ini ke dalam bahasa Malaysia (PU (A) 187/82).
- (5) Walau apa pun peruntukan-peruntukan (4), Datuk Bandar boleh menghendaki butir-butir perniagaan, syarikat-syarikat atau pertubuhan itu hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan dalam perenggan (1) dan (2) (PU (A) 364/85).

6.1.3 Iklan yang dihantar untuk mendapatkan pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka mestilah iklan yang belum disahkan bahasa kebangsaannya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

6.2 Jenis Iklan

6.2.1 Iklan Bergambar

Iklan yang hanya mengandungi gambar dan tidak mengandungi teks.

6.2.2 Iklan Berteks

Iklan yang hanya mengandungi teks dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain dan tidak bergambar.

6.2.3 Iklan Bergambar dan Berteks

Iklan yang mengandungi gambar dan teks dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain.

7.0 PROSES PENGESAHAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM IKLAN

7.1 Pangkalan Data (SPIN)

- 7.1.1 PTPO menerima dokumen iklan daripada pelanggan melalui e-mel, kunjungan peribadi, MMS. Sistem Pesanan Ringkas (SMS) atau pos.
- 7.1.2 PTPO menganalisis maklumat pada dokumen iklan. Dokumen iklan yang dihantar mestilah disertakan bersama-sama dengan borang standard KNB.
- 7.1.3 Sekiranya lengkap, dokumen iklan tersebut direkodkan dalam pangkalan data. Jika sebaliknya, dokumen iklan dikembalikan kepada pelanggan untuk dilengkapkan.
- 7.1.4 Setelah direkodkan, dokumen iklan diserahkan kepada KB/Penanggungjawab untuk diagihkan kepada PPB yang dinamakan.
- 7.1.5 PPB menyemak penggunaan bahasa kebangsaan dalam iklan tersebut.

- 7.1.6 Iklan yang betul penggunaan bahasa kebangsaan dalam iklan tersebut.
- 7.1.7 Setelah disahkan, PTPO mengembalikan iklan kepada pelanggan.
- 7.1.8 PTPO merekodkan iklan dalam pangkalan data dan memfailkannya.
- 7.1.9 Carta Aliran Proses Pengesahan Bahasa Kebangsaan dalam Iklan. Sila lihat Lampiran 4.


7.2 Sistem Bahasa Melayu Bersepadu (SBMB)

- 7.2.1 KB/Penanggungjawab menerima dokumen iklan daripada pelanggan melalui Sistem Bahasa Melayu Bersepadu (SBMB).
- 7.2.2 KB/Penanggungjawab mengagihkan iklan kepada PPB yang dinamakan.
- 7.2.3 PPB menyemak penggunaan bahasa kebangsaan dalam iklan tersebut.
- 7.2.4 Iklan yang betul penggunaan bahasanya akan disahkan menggunakan cap pengesahan. Jika sebaliknya, iklan tersebut akan dikembalikan kepada pelanggan untuk pembetulan. Iklan yang disahkan akan direkodkan secara automatik melalui sistem pangkalan data yang dirangkaikan dengan SBMB.
- 7.2.5 PPB mencetak iklan yang telah disahkan untuk direkodkan dan disimpan ke dalam fail.
- 7.2.6 Carta Aliran Proses Pengesahan Bahasa Kebangsaan dalam Iklan. Sila Lihat Lampiran 5.

8.0 PENUTUP

- 8.1 Projek Pengesahan Bahasa Kebangsaan Dalam Iklan menggunakan Pangkalan Data ini telah diperakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai salah satu Prosedur Kendalian Standard (S.O.P) yang diguna pakai di Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Swasta, DBP Ibu Pejabat, Unit Bahasa DBP Cawangan Sabah dan Sarawak serta Unit Bahasa di DBP Wilayah Utara, Timur dan Selatan.
- 8.2 Menjadikan proses Pengesahan Bahasa Kebangsaan dalam Iklan lebih sistematik, cekap, menjimatkan masa dan kos.
- 8.3 Menjadi satu perkongsian pintar antara Dewan Bahasa dan Pustaka, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Pengiklanan.
- 8.4 Meningkatkan kualiti penggunaan bahasa kebangsaan dalam bidang pengiklanan agar bahasa yang digunakan baku, berkesan dan tekal dalam semua aspek.

LAMPIRAN 1

	BORANG KHIDMAT NASIHAT BAHASA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA	No. Siri : DBP/ISO/02/02 No. Fail : DBP/
Bil. _____/Tahun _____		
<p style="text-align: center;"><u>MAKLUMAT PETUGAS</u></p> <p>Nama : Jabatan Bahasa : Sektor Awam/Swasta * Cawangan : Sabah/Sarawak</p>	<p style="text-align: center;"><u>MAKLUMAT PELANGGAN</u></p> <p>Nama : Agensi/Jabatan : Sektor Awam/ Swasta/Badan Bukan Kerajaan/ Individu* Alamat : No. Pendaftaran Syarikat : (Jika berkaitan) No. Telefon : No. Faks : E-mel :</p>	
TERIMAAN PERTANYAAN/ADUAN/BAHAN		
<p>Soalan/Pertanyaan : Ejaan/Istilah/Padanan Kata/Sebutan/Tatabahasa/Tanda Baca*</p> <p>Mod : Telefon/SMS/MMS/Faks/Surat/Kunjungan Peribadi/E-mel*</p> <p>Bahan : Iklan (Bahan/Teks Visual)/Borang/Surat/Sijil/Dokumen*</p> <p>Catatan :</p> <p>Tandatangan : _____ Tarikh : _____ (PP/PPB/PPP*)</p>		
JAWAPAN/RUJUKAN		
<p>Jawapan : Rujukan :</p> <p>Tandatangan : _____ Tarikh : _____ (PP/PPB/PPP*)</p>		
PENGESAHAN (BAHAN VISUAL/DOKUMEN)		
<p>Rujuk Lampiran (Bahan yang dikembalikan kepada pelanggan untuk pembentulan/pengesahan)</p> <p>Tandatangan : _____ Tarikh : _____ (KB/PP/PPB*)</p>		

* Potong yang tidak berkenaan

CAP PENGESAHAN



**DISAHKAN BAHASA MELAYU
DALAM IKLAN INI BETUL.**

.....

Tarikh :

CAP PEMBETULAN




**TIDAK DISAHKAN
SILA BUAT PEMBETULAN.**

.....

Tarikh :

- Melalui Pengkalan Data (SPIN)



- Melalui Sistem Bahasa Melayu Bersepadu (SBMB)

